



PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 12/2023
29 NOVEMBER 2023 (15 JUMADAL ULA 1445H)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya kita semua dapat bersua dan berkumpul lagi dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dan masyarakat Petaling Jaya kerana telah banyak memberi sokongan, sumbangan idea, pendapat yang bernas dan penyertaan dalam aktiviti program yang dianjurkan Majlis.
3. Program kemasyarakatan merupakan aktiviti yang akan merapatkan lagi jalinan antara Majlis dan penduduk. Semoga kerjasama dan kolaborasi yang berterusan ini, dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis

kepada penduduk dan mendatangkan keberhasilan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat Petaling Jaya.

4. Majlis akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
5. Semangat kerja berpasukan mestilah berada di tahap tertinggi dalam memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh integriti. Kerja berpasukan dan saling membantu ini sangat penting dan perlu dilaksanakan di semua peringkat agar kita bersama-sama berganding bahu dalam menghadapi apa jua keadaan selain mengekalkan kesetiaan dan perpaduan di dalam masyarakat saling memahami dan rasa bangga untuk menjadi rakyat di Selangor Darul Ehsan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan merupakan sambutan tahunan yang diadakan pada setiap bulan November. Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Dataran Putrajaya.

Sambutan ini merupakan platform untuk menghargai kepentingan institusi keluarga sebagai asas kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera. Menerusi sambutan ini, ia dapat menyatukan usaha semua pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga selain mempromosi nilai-nilai positif dalam membina sebuah keluarga harmoni dan sejahtera.

Bertemakan **Keluarga Harmoni, Negara MADANI**, tema ini dipilih untuk mengajak pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak hingga warga emas supaya kembali memberi keutamaan kepada elemen asas dalam setiap perancangan dan tindakan kehidupan kita seharian iaitu kesejahteraan keluarga bermula dengan ikatan kasih sayang yang erat daripada ibu bapa dan ahli keluarga.

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan juga diadakan bagi mengutuhkannya lagi institusi kekeluargaan kerana ia merupakan tonggak kepada kejayaan sesebuah negara. Keluarga adalah titik permulaan kepada penyatuan dan keutuhan perpaduan masyarakat. Sekiranya institusi keluarga menjadi porak peranda, maka sukar untuk membentuk masyarakat. Hal ini kerana penerapan nilai, akhlak dan kemanusiaan tidak boleh diabaikan dalam usaha membina negara kerana tanpanya amalan kemungkar, rasuah dan penyelewengan akan lebih berleluasa.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyokong penuh sambutan ini. Majlis telah pun menjalankan beberapa inisiatif bagi memperkukuhkan institusi kekeluargaan dengan penganjuran pelbagai program kekeluargaan sepanjang tahun ini. Program-

program seperti *Leisure State at PJ State 52*, *Program Mesra Rakyat MBPJ*, *World Cleanup Day Petaling Jaya 2023* dan pelbagai lagi telah menzahirkan bahawa Majlis turut menerapkan program yang dianjurkan bersifat kekeluargaan yang dapat diikuti bersama seisi keluarga.

Dengan penganjuran program sebegini, komuniti Petaling Jaya dapat meluangkan masa bersama keluarga dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain pada hujung minggu selari dengan hasrat MBPJ dalam membangun masyarakat yang inklusif dan mesra.

Tuan-Tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

7. Sambutan Bulan Integriti Nasional 2023 yang disambut pada bulan November setiap tahun adalah manifestasi komitmen kerajaan dalam membudayakan integriti dan tatakelola, bukan saja di sektor awam, malah merangkumi sektor korporat dan masyarakat keseluruhan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya beriltizam tinggi untuk membanteras rasuah dan mengamalkan pentadbiran yang baik selain turut menjayakan sambutan Bulan Integriti Nasional tahun 2023 dengan tema "**Integriti Citra Malaysia MADANI**".

Sepanjang November 2023 pelbagai program pemantapan integriti telah dilaksanakan bagi menyemarakkan dan membudayakan integriti di kalangan warga kerja MBPJ. Di antara program yang telah diadakan adalah ***Dropship Pahala Dalam Pekerjaan dan***

Ceramah PDRM *Meet & Greet* Kenal Scammer Tak Kena Scam, Program Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan Dan Kredit Bersama Pihak Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), Pertandingan Kuiz Dan Montaj Bulan Integriti, Bengkel *Team Building* ABMS, Program Promosi Saluran Aduan Integriti dan Program Pencegahan Dadah Bersama AADK telah dilaksanakan dengan jayanya.

Dengan mengambil semangat kerja berpasukan dan saling membantu, marilah kita semua sentiasa bekerjasama sebagai satu entiti yang utuh dan kuat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan, serta mempunyai keazaman yang tinggi dan bersikap tegas menolak amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa pada setiap masa, dan tempat seterusnya menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai PBT berintegriti dan sifar gejala rasuah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Alhamdulillah, PBT yang kita sayangi, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Cemerlang (Bandaraya) di Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 yang julung-julung kali diadakan pada 11 November 2023 yang lalu.

Bertemakan “**Kemuncak Kecemerlangan**” AKM 2023 ini merupakan hasil cetusan idea YB Menteri KPKT dan julung kali diadakan pada tahun ini. Ia adalah bertujuan untuk memantapkan tahap motivasi seluruh pasukan KPKT agar lebih cemerlang dalam

aspek pelaksanaan tugas, kepemimpinan, inovasi dan sosial.

Anugerah ini juga merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menghargai sumbangan, kecemerlangan dan kejayaan warga KPKT serta PBT dalam mengharumkan nama KPKT.

Ia juga pengiktirafan atas sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan yang komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan khususnya dalam masyarakat setempat serta menunjukkan prestasi dan daya kerja cemerlang, progresif, berdaya maju dan dinamik dalam melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang membangunkan lokaliti masing-masing.

Terdahulu, MBPJ telah merangkul dua anugerah utama di Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 Peringkat Kebangsaan bagi kategori Anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2023 dan Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2023. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua. Ini adalah kejayaan kita bersama dan saya yakin dan pasti, setiap dari kita ada peranan masing-masing dalam menjalankan tugas memberi perkhidmatan kepada penduduk.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah berjaya memperoleh pengiktirafan tertinggi dengan memenangi Anugerah Emas sempena *The 48th International Convention On Quality Control Circles 2023*, yang telah diadakan di Beijing, China pada 30 Oktober hingga 2 November yang lalu.

MBPJ yang diwakili oleh kumpulan *Iron Squadron* dari Jabatan Kejuruteraan MBPJ memperkenalkan inovasi *Flush Mount Cap (FMC) - Grating* yang merupakan projek inovasi yang dihasilkan oleh kakitangan MBPJ untuk menyelesaikan masalah *grating* dan *manhole* yang mendap selepas kerja-kerja korekan dan penyelenggaraan (*mill and pave*) jalan.

Inisiatif ini juga merupakan salah satu usaha berterusan Majlis untuk mengembangkan potensi pembudayaan inovasi dalam perkhidmatan.

Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian,

10. Permohonan Geran Komuniti untuk PJ Mampan 2023 atau PJ SEED 5.0 telah dibuka pada 17 Mac 2023 sehingga 31 Julai 2023 yang lalu. Pada tahun ini, MBPJ telah menerima sebanyak 168 permohonan berbanding 110 permohonan pada tahun 2022 bersamaan peningkatan sebanyak 48%. Daripada 168 permohonan tersebut, MBPJ telah meluluskan 26 permohonan dengan peruntukan sebanyak RM 553,482.39. Projek-projek yang telah diluluskan ini merangkumi 6 Projek Tematik Utama PJSSR2030

iaitu *Low Carbon City* (13 permohonan), *Circular Economy City* (2 permohonan), *Safe And Resilient City* (1 permohonan), *Learning City* (7 permohonan), *Economically Vibrant City* (1 permohonan), dan *Society 5.0* (1 permohonan).

Sehubungan dengan itu, MBPJ berharap agar projek-projek yang telah diluluskan ini dapat meningkatkan lagi prestasi MBPJ untuk mencapai sasaran PJSSR 2030 dan *Sustainable Development Goals* selaras dengan pencapaian MBPJ sebagai PBT cemerlang di Malaysia.

Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian,

11. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menghadiri majlis sambutan kerjasama di dalam ekonomi kitaran di bawah Projek CAREton. Majlis yang turut dihadiri oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan pada 11 November 2023.

Untuk makluman, Projek CAREton adalah kerjasama diantara Nestle Malaysia, Tetra Pak dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengumpul dan mengitar semula pek kotak minuman terpakai. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula dan mendorong pengguna untuk mengitar semula pek kotak minuman terpakai.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mula berkolaborasi dengan Tetra Pak Malaysia dan menjadi rakan strategik dalam menjayakan pembangunan *PJ Eco Recycling Plaza* bermula sejak tahun 2019.

Hasil kerjasama ini, dari tahun 2021 hingga kini, MBPJ telah berjaya mengutip sebanyak 18.6 tan pek minuman terpakai di bawah Program Stesen Kitar Semula *Drop Off* dan sebanyak 39.4 tan pek minuman terpakai di bawah Projek Kitar Semula Pintu Ke Pintu kerjasama dengan Nestle Malaysia dan KPT *Recycle*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Burung-burung liar yang membuat sarang dalam bangunan termasuk merpati boleh membawa penyakit berjangkit kepada manusia menerusi timbunan najis lama yang terbiar kering.

Najis merpati yang kering akan ditumbuhi kulat serta menghasilkan debu yang akan berapung jika terdapat pergerakan udara. Debu itu kemudiannya akan memasuki dan menjangkiti sistem pernafasan (paru-paru) dan boleh merebak ke sistem-sistem lain. *Histoplasmosis* diketahui boleh mengakibatkan maut walaupun jarang sekali berlaku. Kebiasaannya mereka yang mempunyai daya imuniti rendah serta mempunyai penyakit asma atau alergi lebih berisiko untuk dijangkiti.

Selain boleh mendatangkan penyakit, kehadiran burung merpati juga boleh menyebabkan kacau ganggu seperti kawasan berbau, kerosakan pada harta benda dan mencemarkan kawasan

persekitaran. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk dan mencemarkan pandangan mata.

Majlis telah membuat pemakluman larangan memberi makanan kepada burung merpati melalui media sosial dan memasang gegantung dan sepanduk larangan di kawasan yang telah dikenal pasti.

Sehingga bulan Oktober 2023, terdapat 14 aduan kacau ganggu oleh burung merpati telah diterima dan disiasat. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran telah memberi teguran lisan dan notis larangan memberi makanan merpati kepada orang awam yang didapati memberi makanan kepada burung merpati.

Larangan memberi makan kepada merpati adalah selaras dengan Perkara 5(1), Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) 1999: 5(1) *Tiada sesiapa pun boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang boleh mendatangkan kekotoran di mana-mana kawasan, premis, bangunan dan lain-lain tempat sama ada di mana-mana tempat awam ataupun tempat persendirian. Tindakan kompaun RM 250.00 boleh dikenakan kepada orang awam yang didapati memberi makanan kepada merpati.*

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan sebanyak 2,305 kes COVID-19 dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-46 (ME 46/2023) iaitu dari 12 hingga 18 November yang lalu. Peratusan kes COVID-19 dilaporkan meningkat sebanyak 28 peratus (%), berbanding 1,801 kes pada ME 45/2023.

Sehingga kini, situasi COVID-19 masih terkawal di Malaysia. Pada ME 46/2023, sebanyak 21 varian *Omicron* baharu dilaporkan yang terdiri daripada 20 kes varian membimbangkan.

KKM turut menjangka kemungkinan peningkatan kes COVID-19 akan berlaku susulan pergerakan dan perjumpaan saudara dan sahabat ketika sambutan perayaan serta aktiviti berkumpulan semasa cuti sekolah yang akan datang.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diingatkan dan dinasihatkan agar sentiasa mengamalkan langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan dengan pensanitasi serta memakai pelitup muka terutama bagi mereka yang bergejala atau berada di tempat tertutup, sempit dan sesak. Kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung digalakkan memakai pelitup muka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Dalam usaha menyelesaikan dan mengurangkan aduan berkaitan rumah kotor dan semak samun di lot persendirian, MBPJ telah menjalankan pelbagai tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Petaling Jaya 1999). Majlis mengeluarkan notis pembersihan di bawah seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang mengarahkan pemilik tanah untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam tempoh notis yang diberi.

Sekiranya pemilik tanah gagal atau enggan mematuhi notis yang dikeluarkan, maka tindakan kompaun boleh dikenakan dengan nilai tidak lebih daripada satu ribu ringgit (RM 1,000.00). Pihak Majlis juga akan melakukan kerja-kerja pembersihan di tanah tersebut dan segala caj perkhidmatan akan dibilkan kepada pemilik tanah.

Jika pemilik gagal menjelaskan caj tunggakan melebihi RM3000.00 tanah berkenaan akan dikenakan tindakan kaveat. Sehingga bulan Oktober 2023, sebanyak 39 lot telah dikenakan tindakan kaveat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Majlis Bandaraya Petaling Jaya berada dalam kesiapsiagaan yang tertinggi dalam menghadapi sebarang kemungkinan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini. Hujan yang kerap berlaku di sebelah petang sejak kebelakangan ini boleh mengakibatkan berlaku banjir kilat.

Majlis telah membuka Bilik Gerakan Bencana MBPJ yang beroperasi 24 jam setiap hari bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku. Bilik Gerakan Bencana MBPJ ini telah mula diaktifkan sejak 3 November 2023 dan ditempatkan di *Mini Smart Center* Jabatan Penguatkuasaan di Tingkat 22, Menara MBPJ.

Peranan utama bilik gerakan bencana ini adalah untuk penerimaan aduan berkaitan bencana dan penyelarasan tindakan di peringkat jabatan dalaman. Petugas bilik gerakan juga akan menggunakan *dashboard* bencana bagi membantu dari segi pengoperasian dan pengurusan bencana. Ini merupakan inisiatif Majlis bagi menghadapi Monsun Timur Laut yang telah bermula pada 11 November 2023.

Orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Bencana MBPJ di talian 03-79574113 atau mana-mana agensi yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Majlis turut berkongsi maklumat dari Agensi pengurusan Bencana Negara dan Jabatan Meteorologi Malaysia di laman sosial rasmi Majlis bagi membantu menghebahkan maklumat berkenaan ramalan cuaca dan amaran ribut petir yang dikeluarkan. Majlis menyeru orang ramai agar sentiasa peka dan berwaspada terhadap sebarang maklumat terkini berkenaan cuaca bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Sekian, terima kasih.